

Yayasan Aids anjur anugerah riben merah

KUALA LUMPUR,
Isnin – Yayasan
Aids Malaysia (YAM)
sekali lagi menganjurkan Anugerah Riben Merah kepada media sebagai menghargai dan mengiktiraf sumbangan mereka dalam mendidik masyarakat mengenai Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (Aids).

Pengerusi YAM, Datin Paduka Marina Mahathir (**gambar**) berkata, anugerah yang akan diadakan 30 September itu diadakan sempena Gala Riben Merah 2000, satu acara eksklusif yang menggabungkan fesyen dan hiburan untuk tujuan mengutip derma.

“Anugerah dan acara ini mula diperkenalkan pada 1996. Ianya bertujuan mengiktiraf pengamal media dan penggiat seni di negara ini yang memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat mengenai Aids, selain mengutip derma,” katanya dalam satu sidang akhbar di sini hari ini.

Sebanyak tiga kategori akan dipertandingkan dalam Anugerah Riben Merah iaitu kategori media cetak, media penyiaran dan kategori pengiklanan serta kegiatan seni (seperti filem, drama dan lukisan) yang berkaitan dengan Aids.

Bagi kategori media cetak, ia terbahagi kepada rencana akhbar dan majalah sama ada dalam bahasa Malaysia, Inggeris, Cina dan Tamil; risalah; poster; pos kad dan papan bidang sementara kategori media penyiaran, ia terbahagi kepada rancangan dokumentari, drama TV dan pengumuman umum.

Marina berkata, hanya karya yang disiarkan, diterbitkan atau dipersembahkan dari 1 Mei 1993 hingga 31 Mei 2000 yang layak menyertai pertandingan itu.

Pemenang bagi setiap kategori akan menerima hadiah wang tunai RM2,500, barangan perak tajaan Bvlgari dan sijil dari YAM.

Bagi mereka yang berminat merebut anugerah berkenaan, boleh menghantar permohonan sebelum 28 Julai ini kepada YAM, No 12, Jalan 13/48A, Off Jalan Sentul, 51000, Kuala Lumpur atau bagi mereka yang ingin menempah tiket bagi gala itu, boleh hubungi 03-40451033.